

立德



金殿堂

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

国文

Bahasa Melayu

Tahun

6

6

set
Pentaksiran
Sumatif

+

2

set
Model Pentaksiran UASA
yang boleh dileiraikan

*Sesuai untuk Pentaksiran Bilik Darjah PBD



Nama



Kelas



Masa: 1 Jam 15 Minit

Bahagian A

/ 10 Markah

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. _____ cara untuk menyelenggarakan tayar basikal?
- A Bilakah
 - B Adakah
 - C Mengapakah
 - D Bagaimanakah
2. Ayah Kamarul _____ seorang pegawai polis yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Langat.
- A iaitu
 - B ialah
 - C ianya
 - D adalah

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3. A "Sila ambilkan kit kecemasan di atas almari itu," kata Nazmi kepada adiknya.
B "Hai, ambillah alat pemadam api ini untuk memadam kebakaran itu!" kata Puan Susanti.
C Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membaca laporan tentang kes harian COVID-19.
D "Tolong pihak tuan bersabar dengan berita yang akan saya sampaikan ini," kata Doktor Ravi kepada Encik Tan.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Alif sekeluarga akan pulang ke kampung halaman sempena sambutan hari raya aidilfitri pada hujung minggu ini. Terdapat beberapa perkara yang dilakukan oleh ayah Alif sebelum memulakan perjalanan pulang ke kampung. Ayah Alif perlu menghantar kereta ke bengkel untuk diselenggara bagi memastikan kereta dalam keadaan baik.

Selain itu, ayah Alif turut mengisi borang secara dalam talian untuk menyertai Kempen Rumah Selamat yang dianjurkan oleh pihak polis. Kempen tersebut bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak polis bahawa Alif sekeluarga telah pulang ke kampung dan tiada di rumah. Oleh itu, pihak polis akan meronda dan memerhati setiap rumah yang ditinggalkan oleh tuan rumah bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku seperti pecah rumah dan sebagainya.

4. Alif sekeluarga akan pulang ke kampung untuk menyambut _____.
A hari wesak
B hari raya aidilfitri
C hari raya aidiladha
D Hari kemerdekaan
5. Apakah perkara yang dilakukan oleh ayah Alif sebelum pulang ke kampung?
A Menyelenggara kereta dan janji temu klinik.
B Menghantar kereta ke bengkel untuk dibaiki.
C Menyelenggara kereta dan menyertai Kempen Rumah Selamat.
D Mencuci kereta dan menghubungi pihak polis untuk memaklumkan ketiadaan di rumah.
6. Pilih pernyataan yang **betul** tentang petikan.
A Keluarga Alif akan bercuti ke luar negara untuk menyambut hari raya.
B Borang Kempen Rumah Selamat boleh diambil di balai polis berhampiran kediaman masing-masing.
C Ayah Alif menyelenggara kereta selepas bermula perjalanan menyambut hari raya pada hujung minggu.
D Kempen Rumah Selamat anjuran pihak polis bertujuan memastikan rumah dalam keadaan baik semasa ketiadaan tuan rumah di rumah.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Najmi dan rakan-rakannya sering bermain kasut roda pada waktu petang. Sebelum mula bermain, mereka akan memeriksa keadaan kasut roda dan memakai alatan keselamatan seperti pad lutut, pad siku dan juga topi keledar. Perkara ini bertujuan mengelakkan daripada mengalami kecederaan yang serius andai berlaku kemalangan. Mereka juga sering mendapatkan *khidmat* pakar dalam bidang kasut roda andai terdapat kerosakan pada kasut.

Selain itu, mereka bermain kasut roda di kawasan yang lapang dan selamat seperti di taman permainan atau lapangan khas yang berhampiran dengan rumah mereka. Hal ini demikian kerana bermain kasut roda di taman permainan atau kawasan lapangan khas dapat mengelakkan daripada berlaku kemalangan yang serius seperti melanggar kenderaan yang lalu lalang.

BAHAN 2

TIP UNTUK MENGELAK KECEDERAAN KETIKA BERMAIN KASUT RODA

Guna kasut roda yang berkualiti dan sesuai mengikut pengguna.

Belajar pengetahuan asas mengenai kasut roda termasuklah cara membrek, memusing, memperlahankan dan mendarat dengan selamat.

Pastikan peralatan dalam keadaan baik sebelum bermain dan dapatkan *khidmat* pakar jika terdapat kerosakan serius.



Guna perlindungan seperti topi keledar yang sesuai, pelindung pergelangan tangan, pad siku dan lutut serta kasut yang bersesuaian.

7. Mengapakah pentingnya memakai alatan keselamatan?
- A Untuk elakkan diri daripada terjatuh.
 - B Untuk menjadikan permainan kasut roda lebih lancar.
 - C Untuk menampakkan diri lebih bergaya semasa bermain kasut roda.
 - D Untuk melindungi diri daripada kecederaan yang serius jika kemalangan.

8. Sebelum mula bermain, mereka akan memeriksa keadaan kasut roda dan memakai alatan keselamatan seperti pad lutut, pad siku dan juga topi keledar.

Penjodoh bilangan yang sesuai untuk perkataan bergaris di atas ialah _____.

- A sebiji
 - B sebutir
 - C seketul
 - D sebuah
9. Perkataan *khidmat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** sinonim dengan perkataan _____.

- A jasa
- B tugas
- C usaha
- D pemain

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Najmi dan rakan-rakannya sering bermain kasut roda pada setiap hujung minggu di taman rekreasi.
 - B Alatan keselamatan yang perlu dipakai ketika bermain kasut roda ialah pad siku, pad lutut dan topi keledar.
 - C Jangan bermain kasut roda sekiranya tidak memakai alatan keselamatan kerana kecederaan teruk boleh berlaku jika terjatuh.
 - D Bermain kasut roda di kawasan yang lapang dan selamat seperti di taman rekreasi atau jalan raya yang sesak.

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Banjir besar telah melanda kawasan pedalaman di Lenggeng, Negeri Sembilan. Sebahagian kawasan tersebut telah dinaiki air. Moo Ling yang tinggal di kawasan itu turut terkesan dengan banjir. Walau bagaimanapun, Moo Ling dan keluarga sempat berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sebelum air naik. Mereka juga sempat mengambil dokumen-dokumen penting untuk dibawa bersama ke PPS. Sebelum meninggalkan rumah, Ayah Moo Ling turut memastikan semua punca elektrik di rumah mereka telah dimatikan agar tidak berlaku litar pintas.

- (a) Sebilangan perkampungan di _____ telah dinaiki air banjir.

[1 markah]

- (b) Apakah tindakan Moo Ling dan keluarganya semasa banjir?

[2 markah]

- (c) Gariskan **satu kata berimbuhan awalan** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Walaupun bagaimanapun, Moo Ling dan keluarganya sempat berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sebelum air naik.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat diberikan.

Ayah Moo Ling turut memastikan semua punca elektrik di rumah mereka telah dimatikan agar tidak berlaku litar pintas.	
Bagi mengelakkan berlakunya litar pintas, ayah Moo Ling juga memastikan punca elektrik telah dimatikan.	
Ayah Moo Ling telah memastikan tidak berlaku litar pintas dengan mematikan punca elektrik di kawasan rumah mereka.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Sempena sambutan Tahun Baharu Cina, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menguatkuasakan undang-undang dan peraturan jalan raya baharu. Antaranya dengan menurunkan had laju di beberapa buah lebuh raya utama di Malaysia. Dalam pada itu juga, pihak PDRM turut memantau pengguna jalan raya yang menggunakan lorong kecemasan untuk memotong barisan kerana banyak pemandu yang tidak bertanggungjawab menggunakan lorong tersebut semasa jalan sesak. Tujuan undang-undang tersebut dijalankan adalah untuk mengelakkan daripada pemandu memandu melebihi had laju serta mengelakkan daripada menggunakan laluan kecemasan tanpa tujuan kecemasan. Perkara ini sedikit sebanyak dapat menjamin keselamatan semua pengguna jalan raya.

Apakah kesan daripada penguatkuasaan undang-undang tersebut?

Blank lined paper.

[5 markah]


Grafik di bawah menunjukkan langkah-langkah keselamatan yang perlu kita patuhi ketika di jalan raya.

Tuliskan pendapat kamu tentang langkah-langkah keselamatan jalan raya tersebut.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN JALAN RAYA



This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

SITUASI KETIKA BANJIR



This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper appears slightly aged or off-white. There is no handwriting or other markings on the page.

[20 markah]